



PEJABAT PENGARAH KERJA RAYA
BAHAGIAN SENGGARA PERSEKUTUAN
TINGKAT 3, BANGUNAN C 35
KOTA ISKANDAR
79582 NUSAJAYA
JOHOR DARUL TA'ZIM



Telefon: 07-2666987
2666988
Fax: 07-2661625

Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: (20) dlm. JKRJ.SP/070/701/SB/4/14
Tarikh: 3 hb Mac 2014

Pengarah,
Bahagian Senggara Fasiliti Bangunan
Cawangan Kejuruteraan Senggara,
Ibu Pejabat JKR Malaysia,
Tingkat 1, Blok F,
Jalan Sultan Salahuddin,
50582 Kuala Lumpur.

Tuan,

**PERKARA: PERMOHONAN UNTUK PEMERIKSAAN STRUKTUR BANGUNAN SEKOLAH
KEBANGSAAN LARKIN 2, JOHOR BAHRU.**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Jurutera Daerah, JKR Johor Bahru no. rujukan (14)dlm.JKR(D)JB.BGN.060/400/2 JLD 2 bertarikh 25hb Februari 2014 adalah berkaitan.

2. Pihak kami telah menyemak laporan yang dikemukakan JKR Johor Bahru dan memaklumkan status keretakan pada bangunan surau di Sekolah Kebangsaan Larkin 2, Johor Bahru kini mengalami kegagalan serius yang boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan pengguna di sekolah tersebut. Sehubungan dengan itu, mohon pihak tuan agar dapat membuat pemeriksaan kerosakan struktur pada bangunan tersebut dengan kadar segera.

... 3. Bersama-sama ini disertakan laporan tersebut yang dengan sendiri menerangkan maksudnya. Tindakan pihak tuan selanjutnya amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(HAJAH SABARIAH BT. OTHMAN)
Ketua Penolong Pengarah Senggara
Bahagian Senggara Persekutuan Negeri
JKR Johor.

S.K:

1. Flimsies.



PEJABAT JURUTERA DAERAH
J.K.R (DAERAH) JOHOR BAHRU
677, JALAN PETRIE,
80100 JOHOR BAHRU.

Telefon : 2223133/39
Fax : 2223835
Email: jkrjb.gov.my


Sila nyatakan bilangan surat
kami apabila menjawab.

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh : (4) dlm. JKR (D)JB
~~B-20/09/JED-32 BAN~~ 060/400/2
25 hb. Feb 2014 JLAB

Ketua Penolong Pengarah JKR Johor,
Bahagian Senggara Persekutuan,
Tingkat 3, Kompleks C 3S,
Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Johor,
79582 Nusajaya,
Johor.



pp(Cm)
Siti Nurhuda
Jkr/2

Tuan ,

Perkara : Permohonan Untuk Pemeriksaan Struktur Bangunan
Sekolah Kebangsaan Larkin 2, Johor Bahru

pp: R. S. (M)
- sila majukan
ke BPPB
18/2/2014
9-
4/3

Adalah saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas dan surat Biro Pengaduan Awam Pejabat Negeri Johor no. rujukan BPA.600-1/02/2014/41372.200025 yang bertarikh 13hb Febuari 2014 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat kerosakan pada bangunan Sekolah Kebangsaan Larkin 2, Johor Bahru terutamanya keretakan pada bangunan surau yang telah dibina sejak 1979. Keretakan pada bangunan surau ini telah dikesan pada tahun 2012 tetapi kini keretakan tersebut semakin membesar dan serius. Setelah pemeriksaan dibuat bersama guru besar, didapati terdapat kerosakan atau kegagalan serius yang boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan pengguna surau sekolah ini.

3. Kesimpulan:

Keretakan pada dinding bangunan surau sekolah ini akan menjejaskan keselamatan dan keselesaan pengguna surau. Pejabat ini amat berbesar hati sekiranya pihak tuan dapat meminta bantuan Bahagian Forensik daripada Cawangan Kejuruteraan Awam, Struktur Dan Jambatan (CKASJ), Ibu Pejabat JKR Malaysia untuk menjalankan pemeriksaan lanjut ke atas kerosakan bangunan di atas dan mengesyorkan cara-cara pembaikan ke atas masalah-masalah kerosakan struktur yang dialami. Kerja-kerja pembaikan perlu dilaksanakan dengan segera agar ia tidak berlarutan. Disertakan borang Laporan Awalan Kerosakan Struktur Bangunan untuk dimajukan ke CKASJ dengan secepat mungkin.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya Yang Menurut Perintah,

 (HAJI JAAFAR BIN AHMAD)
Jurutera Daerah,
JKR Daerah Johor Bahru .

s.k :

1. JKR (D) JB: B / 20/ 09/ JLD 32
2. Fail 'F'

RM/CKW